

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 MAC 2022
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8

Cipta Tahfiz – TVET

Cipta Tahfiz-TVET

Kerjasama KSM, Jakim membentuk laluan kerjaya pelajar tahfiz

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) julung kali melancarkan Tahfiz-TVET Malaysia dalam usaha membentuk laluan kerjaya bagi pelajar tahfiz di negara ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim berkata, bagi merealisasikan usaha itu, KSM dengan Jakim bekerjasama erat mencetuskan idea membangunkan model latihan Tahfiz-TVET.

“Usaha ini bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan tahfiz dalam pelbagai bidang TVET di mana pembangunan model latihan ini selaras Teras 2, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) 2.0 iaitu ‘Mewujudkan Model Institusi Tahfiz’.

“Kerajaan akan terus menyokong aktiviti yang sangat memberi manfaat ini dan melalui Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK), satu jawatan-



AWANG Hashim (dua dari kiri) diiringi Hakimah (kiri) pada Majlis Pelancaran Tahfiz - Tvet Malaysia di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Shah Alam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

kuasa kerja ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kerja Pembangunan Tahfiz-TVET (JKK Pembangunan Tahfiz-TVET),” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas menyempurnakan majlis pelancaran Tahfiz-TVET Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran KSM Kerjasama Jakim di Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran

Lanjutan (CIAST), Shah Alam, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, Datuk Hakimah Mohd Yusoff dan Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KSM, Datuk Muhd Khair Razman Mohamed Annuar.

Awang yang juga Pengerusi MPKK berkata, antara fungsi JKK adalah membantu dan menasihati institusi tahfiz negara dalam mem-

perkasa kurikulum, bahan pengajaran & pembelajaran, personel dan persijilan melalui Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

“JKK juga akan membincang dan mewujudkan hala tuju dan laluan kerjaya pelajar tahfiz dalam bidang TVET selain mengenalpasti keperluan permintaan program TVET di institusi tahfiz berdasarkan keperluan semasa,” katanya.